

Soalan No : 48 45

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN :** LISAN**DARIPADA :** Y.B TUAN KHOO SOO SEANG [ TEBRAU ]**TARIKH :** 12.3.2015**SOALAN :**

Tuan Khoo Soo Seang [ Tebrau ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan kelas yang optimum bagi seseorang guru bahasa (seperti Bahasa Malaysia, Inggeris, dan Bahasa Ibunda) memandangkan beban kerja menandakan buku latihan yang berat bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa sekiranya ditugaskan untuk mengajar lebih 3 kelas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 telah memperuntukkan waktu seminggu untuk mata pelajaran yang diajar di bawah Kurikulum Kebangsaan. Di bawah peraturan ini juga, seseorang guru hendaklah mengajar mengikut suatu sukanan pelajaran dan suatu jadual waktu yang telah diluluskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara kebiasaan, bilangan kelas optimum bagi seorang guru bahasa bagi seminggu adalah sebanyak empat (4) kelas. Walau bagaimanapun jumlah waktu bagi sesuatu sesi pengajaran bahasa berbeza antara jenis sekolah, tahap dan tingkatan. Oleh yang demikian, penentuan jumlah kelas yang bagi seseorang guru

bahasa bergantung kepada budi bicara pengetua atau guru besar sesebuah sekolah dan beban kerja yang ditanggung oleh seseorang guru tersebut.